

04 OCT 1998

Mohamed-Disiplin

MT PERLU KAJI SEMULA KEPUTUSAN J/KUASA DISIPLIN SEBELUM INI

JOHOR BAHRU, 4 Okt (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi (MT) Datuk Seri Mohamed Rahmat berkata MT perlu mengkaji semula beberapa keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno, yang sebelum ini dipengerusikan oleh bekas timbalan presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata ini kerana beberapa keputusan yang dibuat oleh Anwar mengenai disiplin parti adalah tidak adil malahan telah memusnahkan kedudukan anggota-anggota yang jujur yang sanggup ke depan untuk membersihkan parti daripada amalan politik wang.

"Perkara ini saya fikir banyak berlaku sebelum pemilihan di peringkat perwakilan yang lalu. Sebab dia (Anwar) pun telah rancang orang-orang dia," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan, berkata beliau akan mencadangkan kepada MT, jika boleh, beberapa keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa itu ketika Anwar menjadi pengerusi sebelum ini, dikaji semula supaya keadilan dalam parti wujud dengan baik.

Ketika ditanya apakah bentuk tindakan yang tidak adil yang telah diambil oleh jawatankuasa sebelum ini, beliau berkata: "Ada yang dipecat, digantung dan ada yang tidak ada keputusan lagi. Ini tidak patutlah..."

"Saya hendak cadangkan supaya beberapa keputusan jawatankuasa ini dikaji semula supaya anggota-anggota yang teraniaya mendapat pembelaan terbaik," katanya.

Mohamed berkata pelbagai cara telah dibuat dan dalam hal ini, Anwar selaku pengerusi jawatankuasa itu telah menyalahgunakan kuasanya.

"Sesiapa yang dilaporkan telah menyalahgunakan kedudukan daripada segi politik wang walaupun si pelapor mempunyai bukti yang sah seperti laporan polis, BPR, surat sumpah, bukti kes siapa yang memberi dan siapa yang menerima, semuanya ditolak kalau orang yang dituduh itu orang dia (Anwar).

"Tetapi kalau orang yang dianggap menentanginya, segala kes (seperti) ini akan diselesaikan dengan cepat," katanya.

Mengenai gerakan reformasi yang diusahakan oleh Anwar, Mohamed berkata ia semata-mata bertujuan untuk menjatuhkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar telah bekerjasama dengan pihak luar termasuk media asing untuk mengatur langkah melalui dalam parti.

Anwar dipecat daripada jawatan timbalan perdana menteri pada 2 Sept lepas.

Mohamed juga mengakui bahawa kerajaan dan media asing tidak menyukai Dr Mahathir disebabkan kelantangan beliau menyuarakan sesuatu pendapat.

"Sebab pandangannya yang menyentuh isu-isu dunia pada hari ini... mungkin pada pandangan orang luar, selagi ada Dr Mahathir sukar bagi mereka untuk menguasai dunia ini.

"Sebenarnya apa yang diperjuangkan oleh Dr Mahathir ialah reformasi dunia terutama mengenai masalah kewangan, bantuan kewangan dan masalah pasaran saham yang dijadikan alat untuk menguasai dunia dan melemahkan kerajaan-kerajaan," katanya.

Menurutnya mungkin pada fikiran mereka, selagi Dr Mahathir menjadi perdana menteri, sukar bagi mereka untuk menguasai Malaysia.

"Matlamat mereka satu iaitu menggunakan Anwar kononnya untuk mewujudkan reformasi tetapi sebenarnya untuk menjatuhkan Dr Mahathir," katanya.

-- BERNAMA

MKO NAK

